

# KURSUS KEPIMPINAN PELAJAR 2012 ANJURAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR BERJAYA

Seramai 341 orang mahasiswa UMS telah mengikuti Kursus Kepimpinan Pelajar UMS bagi sesi 2012/2013. Penyertaan adalah dikalangan pelajar tahun 1 dan tahun 2 iaitu seramai 200 orang mahasiswa dari kampus induk, 130 orang mahasiswa dari Kampus Antarabangsa Labuan dan 11 orang dari Kampus Sandakan. Jumlah penyertaan mahasiswa mengikuti kursus ini telah meningkat dua kali ganda berbanding 100 orang pada tahun 2010 dan 136 orang pada tahun 2011.

Sesungguhnya peningkatan penyertaan mahasiswa ini merupakan petunjuk bahawa mahasiswa semakin matang, berpandangan jauh dan sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran. Kursus ini dijalankan selama dua hari di Eko Lake Training Centre, Membakut ini bertujuan memberikan perspektif kepada mahasiswa mengenai peranan dan tanggungjawab mereka selaku pemimpin mahasiswa kelak di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Mahasiswa yang menyertai kursus ini mendapat kesedaran betapa pentingnya

semangat patriotisme dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia, kepentingan membina sikap kerjasama berpasukan, meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah melalui sikap profesional, kebijaksanaan dan keserjanaan.

Hari pertama kursus, mahasiswa dimantapkan melalui syarahan oleh Pensyarah UMS dan pegawai HEP berkaitan Sejarah Bangsa Malaysia dari sudut sosio-ekonomi, pendidikan, dan sistem pentadbiran negara.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwat Pelajar dan Alumni UMS ; ACP(K/S) Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur, tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama berkongsi kepakaran dan informasi kepada mahasiswa pada hari kedua kursus. Beliau yang sememangnya berjiwa mahasiswa telah menyampaikan ceramah 'Mahasiswa pemimpin Masa hadapan: Cabaran dan Harapan'. Beliau menasihati semua pamimpin mahasiswa hendaklah mempersiapkan diri iaitu bukan setakat memiliki tetapi menguasai API dalam diri iaitu akhlak yang mulia, pengetahuan serta berkemahiran yang tinggi

tahapnya dan ilmu yang tulin lagi pelbagai.

Turut berkongsi maklumat kepada mahasiswa adalah Ketua Jabatan Hal Ehwat Pelajar iaitu Kapt. Darwis Awang. Beliau menyampaikan tajuk "Bagaimana mahasiswa mengoptimumkan peranan dan tanggungjawab Jabatan Hal Ehwat Pelajar dalam kebajikan dan pembangunan sahsiah mahasiswa".



YBhg Datuk TNC HEPA ketika menyampaikan ceramah beliau sempena Kursus Kepimpinan Pelajar 2012